

Ramadan bulan yang penuh keberkatan



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD
zaiton.mohamad@yahoo.com

4B 17.7.2013 B3

RAMADAN merupakan bulan bagi seluruh umat Islam mengikuti satu modul latihan yang sebenar yang begitu komprehensif disediakan oleh Allah s.w.t istimewa buat umatnya yang dikasihi.

Pelbagai aktiviti yang disarankan untuk membersihkan jiwa seperti memperbanyakkan membaca al-Quran, berzikir kepadaNya setiap masa, bersolat sunat tarawih malah tidur seketika pada siang hari juga diberikan balasan pahala. Setiap modul yang berjaya dilalui akan diberikan ganjaran yang berlipat kali ganda oleh SWT dan diakhirnya apabila menjelang syawal, maka disitulah graduasi bagi mereka yang

berjaya melaluinya. Malahan bulan Ramadan ini adalah bulan yang terbaik untuk menjadikan diri sebagai seorang hamba yang menghayati dan mengamati keagungan penciptaNya. Pada saat menahan diri dari lapar dan dahaga, badan ketika itu letih dan tidak bermaya, namun kerana kecintaan yang tinggi kepada penciptaNya maka setiap dugaan dan halangan berjaya diatasi. Ini disebabkan selama berada di dalam bulan Ramadan maka ia penuh dengan keberkatan yang tidak terdapat pada bulan-bulan yang lain.

Namun setiap amalan ketika berpuasa perlu mengikut tuntutan Ajaran Islam bahawa dengan berpuasa bukan setakat menahan lapar dan dahaga, malah juga setiap nafsu untuk berbuat kejahatan perlu disekat. Begitu juga dengan pemikiran yang didorong untuk berbuat kemaksiatan juga perlu ditapis

dengan sebaiknya. Dengan cara tersebut sahaja akan berjaya melatih diri supaya tidak terlalu menurut kehendak diri untuk terus mengumpat, mengata dan memperlekeh-lekehkan orang lain dapat dielakkan. Malah melatih diri untuk lebih berintegriti kepada diri, orang lain dan kepada Allah juga.

Ada juga sesetengah insan melihat pada bulan Ramadan ini sebagai bulan yang penuh dengan pesta makanan. Oleh sebab itu mereka akan lebih rela untuk berbelanja besar dalam menyediakan keperluan diri. Walau bagaimanapun sekiranya mengamalkan konsep integriti kepada Allah bahwasanya setiap anggota badan yang diberikan adalah sebagai satu amanah maka sudah tentu timbul keinsafan dalam menyekat diri daripada memakan pelbagai menu dan lauk pauk ketika berbuka sehinggakan tidak dapat menunaikan solat

maghrib mahupun menunaikan solat sunat terawih. Untuk menahan diri daripada menikmati juadah yang pelbagai tersebut maka tahap kesedaran perlu ditingkatkan bahawa perut manusia mempunyai limitasi. Tambahan pula perlu melatih diri supaya lebih memahami adab-adab berpuasa iaitu tidak boleh banyak tidur di siang hari dan makan terlalu banyak pada malam hari, sebaliknya makan mengikut kemampuan perut sahaja iaitu sepertiga sahaja.

Malahan juga bahawa Nabi SAW bersabda bermaksud: Puasa itu perisai. Maka pada hari kamu berpuasa, janganlah ia berkata-kata dan jangan berbuat kefasikan serta jangan mengganggu orang lain. Jika ada orang memakinya atau memusuhinya, maka katakanlah, sesungguhnya aku berpuasa. (riwayat Bukhari dan Muslim).

Sehubungan itu biarlah

Ramadan kali ini betul-betul merubah kita menjadi insan yang lebih bertaqwa kepada Allah s.w.t kerana tiada siapa pun tahu dia akan hidup hingga Ramadan akan datang. Begitu juga tiada siapa yang tahu dia akan sempat bertemu dengan Ramadan kali ini, tetapi biarlah sekurang-kurangnya usaha persiapan Ramadan kita menjadi bukti di akhirat nanti. Dengan cara tersebut sahaja kita mampu melatih diri untuk lebih berusaha keras melawan nafsu bagi melaksanakan amal ibadat sebanyak mungkin. Ini disebabkan kita sebagai hamba yang lemah kadang-kadang terlepas pandang dan mengutamakan perkara sampingan yang kurang memberi faedah dalam kehidupan.

Lantaran itu, sekiranya kita selalu membuat evaluasi maka perasaan takwa itu membawa diri kita supaya menjauhkan

setiap apa yang ditakuti akan membawa mudarat kepada diri dan agama. Bila ada perasaan takut kita pada Allah, maka lebih hebat kita berusaha untuk menghampiriNya. Jadi latihan bulan puasa ini merupakan satu peluang yang baik untuk semua umat Islam membersihkan diri dan meningkatkan amalan serta hubungan dengan Rabhu Jalil. Sesuai dengan sebuah Hadis dari Abu Hurairah, katanya Rasulullah SAW bersabda: Barangsiapa yang berpuasa Ramadan dengan iman dan mengharap pahala, nescaya akan diampuni apa yang telah lalu dari dosanya. (HR. Muttafaquun 'alaih) riwayat Bukhari & Muslim. Lantaran itu jadikanlah Ramadan kali ini sebagai latihan untuk mengintegritikan diri dengan Allah dan berusaha mendapatkan keberkatanNya.

*Penulis adalah Pegawai Psikologi HEP UMS